



مجلس فريندارن كمامن

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

24000 KEMAMAN TERENGGANU DARUL IMAN

TEL : 09-859 7777 , 09-859 7700 FAX: 09-859 5455

CAWANGAN KERTEH TEL: 09-826 1427 FAX : 09-826 1830

Bebas Tol : 1-800-88-7009

<http://mpk.terengganu.gov.my>

E-mail : [mpkemaman@mpkemaman.gov.my](mailto:mpkemaman@mpkemaman.gov.my)



SIRIM

MS ISO 9001: 2008  
Registration No: AR 3475

MPK (JL) 1200 / P / 2017 / 01 – (2)

Tarikh : 08 Februari 2017

: 12 Jamadilawal 1438

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

### BIL. SEBUTHARGA Q / JL / 01 / 2017

Tawaran sebutharga kerja adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan bertaraf Bumiputera yang mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dibawah Gred G1, Kategori B/CE Pengkhususan B09/CE14 telah memahami maksud kerja, mengambil kira keadaan cuaca dan faham segala butir-butir didalam lukisan dan penentuan dengan ini mengemukakan tawaran untuk menyiapkan sepenuhnya akan diterima di Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman sehingga pukul 12.00 tengahari pada 19hb. Februari 2017 sebagaimana berikut :-

### CADANGAN MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI DI JALAN SULAIMANI, CUKAI , MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN

2. Pemborong yang mempunyai Akuan Kebenaran Khas memasuki tawaran daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kepala dan sub kepala diatas juga boleh diterima membuat tawaran sebutharga ini dan hendaklah mengemukakan surat Asal tersebut semasa memasuki tawaran ini.
3. Segala butir-butir lanjut dan borang tawaran sebutharga kerja bolehlah didapati pada waktu bekerja di **Jabatan Landskap, Aras Bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman**. Tawaran sebutharga mestilah dibuat diatas borang yang dikhaskan. Disampul tawaran sebutharga dibahagian kiri, mestilah ditulis keterangan tawaran sebutharga “ **SEBUTHARGA Q/JL/01/2017** ” sepertimana dinyatakan.
4. Tawaran sebutharga yang tidak dihantar melalui pos hendaklah dimasukkan ke dalam **peti tawaran Q/JL/01/2017**, di **Aras 1, Bahagian Kaunter Bersepadu, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu**. Semua tawaran sebutharga hendaklah sampai sebelum tawaran itu ditutup pada masa dan tarikh yang tersebut diatas.
5. Borang Tawaran Sebutharga mulai dijual pada 09hb. Februari 2017 hingga 16hb. Februari 2017 dengan harga **RM 50.00** (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskah dan boleh diperolehi di **Jabatan Landskap, Aras Bawah, Pejabat Majlis Perbandaran Kemaman, Kemaman, Terengganu Darul Iman**. **Borang tawaran tidak akan dijual pada tarikh dan hari tawaran ditutup.**